

Headline	'Tolong jangan halau kami'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	35
ArticleSize	708 cm ²	Journalist	Sarinah Mat Kasim
PR Value	RM 36,231		



'Tolong jangan halau kami'

Peniaga di Kampung Sungai Layang rayu dibenarkan terus bermiaga

SARINAH MAT KASIM

REMBAU

Peniaga kecil di Kampung Sungai Layang, merayu agar tidak dihalau dan meminta kepada kerajaan negeri untuk membenarkan mereka terus bermiaga di situ.

Sinar Harian difahamkan, kira-kira 10 peniaga di situ diarah mengosongkan kawasan tersebut untuk memberi laluan kepada pemaju melakukan perlebaran jalan berikutnya terdapat sebuah projek perumahan akan dibangunkan di dalam kawasan berhampiran.

Peniaga, Ahmad Din, 66, berkata, dia tidak pernah menghalang pembangunan yang ingin dilaksanakan tetapi dalam masa yang sama mau kebijakan peniaga di situ terbela.

Menurutnya, jika tanah kerajaan ini diambil oleh pemaju, sebaiknya mereka harus menyediakan tempat ganti untuk membolehkan peniaga di sini meneruskan perniagaan, bukan menghalau mereka secara membata-tuli.

"Kami sudah bermiaga di sini lebih 25 tahun, segala bayaran lesen termasuk lesen pendudukan sementara setiap tahun kami bayar tanpa gagal."

"Hanya melalui bermiaga ini sahajalah sumber pendapatan yang saya ada, saya perlu mena-



Mohd Ridzuan (kiri) bertemu sebahagian peniaga di Kampung Sungai Layang.



AHMAD

ra isteri dan dua anak yang tak sihat. Jika saya tak bermiaga, apa lagi kerja yang saya boleh buat dengan keadaan saya yang semakin berumur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ahmad berkata, dia hanya menjual hasil tumbuh-tumbuhan hutan seperti petai, jering, pisang, ubi kayu, tempoyak, kerdas dan lain-lain untuk menampung hidup bersama keluarga.

Katanya, tiga hari lalu pihak pemaju berjumpanya dan meminta supaya mengosongkan kawasan ini kerana mereka mahu menambak tanah, namun dia enggan keluar berikutnya tiada sebarang nota bertulis daripada pihak berkuaas.

"Jangan kerana kami ini orang kampung dan peniaga kampung pihak laju boleh ambil kesempatan, kami juga mempunyai hak, bagaimana kami nak mulakan perniagaan jika kami tak diberikan sebarang pampasan, mahupun tempat bermiaga yang sesuai."

"Mereka ada maklumkan

akan menyediakan sebuah lokasi baru sebagai ganti, tetapi ruang kedai yang akan disediakan itu sangat kecil, sedangkan barang niaga dan hasil hutan saya sangat banyak, ruang itu pula dikatakan hanya untuk seorang, tidak boleh diubah suai atau ditambah lagi kerana ruang terhad," katanya.

Peniaga produk salai, Surazman Hamzah, 47, yang bermiaga di sini sejak 2004 berkata, jika tanah tersebut diambil oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tujuan pembangunan dia tidak ada masalah, tetapi bagi kes ini pihaknya dimaklumkan perlebaran jalan di tanah tersebut dicadangkan oleh pemaju kepada Majlis Daerah Rembau, sedangkan perkara tersebut sebelum ini boleh dielakkan.

Menurutnya, dia berasa sangat, adalah projek untuk melebarkan jalan ini dibuat secara teliti berikutnya ada beberapa kabel elektrik bawah tanah milik TNB dan juga saluran air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) di bawah tanah kawasan ini.

"Saya rasakan jika ada pun kebenarannya, mungkin akan mengambil tempoh masa yang agak lama, untuk membolehkan



Antara kedai terlibat yang akan dirobohkan.

pihak-pihak terlibat mengalihkan kabel elektrik dan saluran air mereka ke tempat yang sesuai.

"Jadi, mengapa pemaju beriya-iya sangat untuk meminta kami kosongkan tempat ini dengan segera, sedangkan untuk melakukan hal-hal lain pasti akan mengambil masa, bahkan tempat niaga baru yang dijanjikan juga tidak dibuat lagi," katanya.

Wajar beri pampasan

Dalam pada itu, Pengurus Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas), Mohd Ridzuan Abdullah meminta pihak terlibat untuk

memberi pampasan kepada peniaga, selain menyediakan ruang niaga baharu dengan saiz yang lebih besar bagi memberi kemudahan kepada peniaga menyimpan barang-barang mereka.

"Biarpun mereka bermiaga di tepi jalan, tetapi kita harus memikirkan kebijakan, usaha dan penat telah peniaga di sini yang rata-rata mereka telah bermiaga lebih 10 tahun."

"Saya berharap pemaju janganlah kacau peniaga di sini sehingga mereka diberikan notis secara rasmi daripada pihak yang bertanggungjawab untuk mengosongkan tempat ini, bukannya daripada pemaju," katanya.



Kedai Ahmad yang menjalankan perniagaan hasil hutan.